

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HST 222 Kepulauan Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Dasar Etika pada 1900 berjaya memperbaiki taraf hidup penduduk Kepulauan Hindia Timor Belanda. Setujuhkan anda?
2. Penglibatan kumpulan sayap kiri dalam Sarekat Islam menyebabkan sokongan ramai terhadap pertubuhan itu antara tahun 1911 sehingga 1920. Bincangkan.
3. "Semangat nasionalisma di Kepulauan Hindia Timor Belanda hanya berakar umbi di Pulau Jawa sahaja manakala di pulau-pulau lain tidak berkesan langsung." Sejauh manakah pernyataan tersebut benar?
4. "Sekularisma telah menggantikan agama Islam sebagai ideologi politik yang unggul dalam nasionalisma Indonesia pada tahun 20an dan 30an." (Laporan rahsia Belanda, 1938). Bahaskan.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. "Penalukkan Sepanyol ke atas Kepulauan Filipina merupakan suatu rahmat tuhan terhadap rakyat Filipina yang jahil dan tidak bertamddun." (Friar Augustin, 1600). Bincangkan.
6. Penubuhan Katipunan mencerminkan perasaan putus asas terhadap sebarang tindakan Sepanyol untuk memperbaiki keadaan sosial dan politik dikalangan rakyat Filipina. Setujukah anda?
7. "Filipina sebenarnya telah dijual kepada kami oleh Sepanyol dan kami berhak menalukki kepulauan itu." (Pegawai Tinggi Amerika Syarikat, 1900.) Bincangkan.
8. Kemajuan ekonomi dan politik Kepulauan Filipina adalah bertujuan untuk menyediakan negara itu berkerajaan sendiri. Nilaikan.

-ooo000ooo-